

Headline	Galak pemain industri bioteknologi sertai TISC		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	30	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,815
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,446



Galak pemain industri bioteknologi sertai TISC

Kuala Lumpur: Semua pemain industri bioteknologi digalakkan menyertai Pusat Sokongan Teknologi dan Inovasi (TISC) dalam usaha mempertingkatkan hak harta intelek dalam bidang berkenaan.

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Shamsiah Kamaruddin berkata, pusat itu berperanan untuk mempatenkan sebarang hasil atau produk bioteknologi, namun penyertaan daripada pemain industri masih berada pada tahap rendah.

“Setakat ini, pusat ini disertai lima institusi iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).”

“Penyertaan daripada lima institusi ini masih tidak mencukupi dan kita sangat mengalu-alukan pemain industri bioteknologi tempatan untuk menyertai pusat kajian ini, sekali gus setiap hasil kajian produk mereka akan dipatenkan mengikut piawaian yang ditetapkan WIPO,” katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Ke-

penggunaan (KPDNKK) Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah merasmikan Kursus Latihan Lanjutan bagi Pemeriksaan Paten dalam bidang Bioteknologi yang diadakan di MyIPO selama lima hari.

Latihan berkenaan mendapat kerjasama daripada WIPO dan DPMA sempena usaha negara untuk mengemulakan TISC peringkat ASEAN bermula tahun depan.

Ia juga mendapat penyertaan daripada 11 negara membabitkan 16 pemeriksa paten antaranya dari Belarus, Zimbabwe, Cuba, Colombia, Mesir, Kenya, Syria, Arab Saudi dan beberapa negara lain.

Shamsiah berkata, pihaknya tidak menanggung kos bagi tujuan pelaksanaan TISC, sebaliknya WIPO serta DPMA yang akan menyediakan semua kemudahan termasuk tenaga pakar dari seluruh dunia.

“Pelaksanaan TISC ini sangat penting kerana terdapat segelintir pemain industri bioteknologi yang tidak sedar berhubung kepentingan paten serta harta intelek biarpun membabitkan bidang bioteknologi,” katanya.